

SV
SUARA SARAWAK
Bukan Sekadar Akhbar
• FPK7482/2019 (315042)

• Tel: 082-647375/ 649527
• Faks: 082-647374
• e-mel: news@suarasarawak.my
• Laman sesawang:
www.suarasarawak.my

• Lot 14066 (S1, 121) Section 65, Kuching Town Land District 140, Metropolitan's Commercial Precinct, Jalan Matang, 93050 Petta Jaya, Kuching, Sarawak.



SIDANG REDAKSI

Editor Eksekutif
ROHANA WAHED
rohanaw@suarasarawak.my

Timbalan Editor Eksekutif
AWANG ROSLI AWANG ADENI
rosliaw@suarasarawak.my

Timbalan Editor Eksekutif
AWANG SHAHFERI AWANG ADENI
ashahferi@suarasarawak.my

Editor Kanan Berita
RADIN AZHAR AHMAD
radinazhar@suarasarawak.my

Editor
DRAMAN BAHARON
draman@suarasarawak.my

Editor Ruai
ALVESTER BIGOL SULANG
alvesterbigol@suarasarawak.my

Subeditor Berita
CHRISTINA LIAN
christinalian@suarasarawak.my

Subeditor Inspirasi
MOHD HAZIQ AMALUDDIN
haziqamal92@suarasarawak.my

Subeditor Global
S. CONNIE PEARL SUIL
pearl@suarasarawak.my

Subeditor Ruai
LINA KUNJAK
linakunjak@suarasarawak.my

Ketua Pemberita
NICK FLETCHER
fletcher19@suarasarawak.my

Ketua Grafik
NGUMBANG RANGGA
ngumbang86@gmail.com

Diterbitkan oleh
SV News Sdn. Bhd., Lot 2885 Block 3,
Miri Concession Land District,
98000 Miri, Sarawak.

Dicetak oleh
UBP Printing Sdn Bhd, Lot 2042,
Section 65, Pending
Industrial Estate, KTLD, Jalan Tenaga,
93100 Kuching, Sarawak.

Lega, yakin tempuhi fasa peralihan endemik

signifikan berbanding dengan yang sifatnya keanak-anakan.

Malah, pengertian dewasa itu juga membawa nilai yang tinggi kepada setiap kriteria dewasa yang bersepadanan dengannya.

Kelau ternakan seperti ayam, itik, lembu dan kambing lebih mahal harganya, berbanding dengan harga anaknya yang masih kecil disebabkan nilai produktifnya sama ada dagingnya, atau kerana keupayaan penghasilan bahan protein lain seperti susu atau telur.

Begitu juga dengan manusia, nilai produktifnya yang membawa tambah nilai seiring kedewasaan ditaksir dengan keupayaannya berfikir, kematangan dalam pertimbangan, juga keupayaan penghasilan output kerja dan pencapaian yang elok sifatnya.

Nilai tambah dan nilai produktif yang dibawa bersama kedewasaan seseorang bersifat unik dan berbeza-beza nilainya mengikut kriteria dan keutamaan yang bersesuaian. Beberapa faktor yang perlu diambil kira dalam perkiraan apabila kita membicarakan tentang nilai kedewasaan.

Faktor pertama adalah faktor masa. Ya, tempoh masa yang dilalui itu penting bagi membuktikan keberadaan diri seseorang individu pada masa, ketika, dan tempat sehingga selesai.

Jika dilalui hanya separuh jalan, besar kemungkinan pengisiannya tidak cukup. Kesannya, pertimbangan dan perkiraan dalam dirinya mungkin tidak mencakupi segenap aspek yang berkaitan.

Sekalipun faktor masa menjadi kayu ukur yang begitu sinonim

dengan kedewasaan, ia tidak boleh dijadikan asas perkiraan tunggal. Faktor masa sama sekali tidak akan membawa nilai tambah yang sama kepada setiap individu yang melaluinya.

Faktor kedua yang boleh diambil kira adalah faktor tekanan. Ini kerana faktor tekanan juga memainkan peranan besar dalam membentuk kematangan dan keupayaan diri seseorang.

Sebagai contoh, generasi pasca-Covid-19 telah sama-sama melalui tempoh dua tahun dalam tempoh pandemik. Dari segi faktor masa yang dijalani tentulah cukup berbeza daripada generasi yang tidak melaluinya.

Namun, tekanan mental, fizikal dan emosi yang dihadapi oleh setiap individu berbeza dari segi darjah kepayahannya.

Perbezaan darjah kesukaran ini akan menjadikan tahap kematangan yang berbeza di sebalik pengertian kedewasaan yang diperolehi melalui pengalaman pandemik Covid-19.

Faktor ketiga adalah tanggungjawab diri yang dipikul oleh seseorang individu. Tanggungjawab ini membawa kadar yang besar dalam membezakan tinggi rendahnya nilai tambah yang seiring dengan kedewasaan seseorang.

Malah faktor ini juga subjektif sifatnya berdasarkan keterbukaan hati, kerelaan diri juga ketajaman fikiran individu.

Nilai tanggungjawab ini pada dasarnya boleh dilihat melalui analogi yang biasa kita lihat pada anak remaja yang baru menginjak dewasa.

Sekadar tahu memandu kereta belum melengkapkan nilai kedewasaan yang tinggi, jika tanpa ada rasa ingin melatukkan tanggungjawab yang sempurna pada kebersihan, keselamatan, kerosakan, dan calma dengan kos-kos yang terlibat pada setiap kali penggunaannya.

Apabila mereka mula berasa tergerak hati untuk mengguna, dan dengan rela hati merajai dan menyudahkan kembali kereta yang diguna dengan sempurna, ketika itulah nilai tanggungjawab telah wujud dalam diri.

Nilai tambah dan produktif yang seiring dengan kedewasaan ini sebenarnya memiliki harganya tersendiri. Bukan semata-mata boleh ditaksirkan dari segi kapasiti dan keupayaan individu dalam produktiviti kerja dan pencapaiannya yang akan menyumbang kepada organisasi.

Tetapi juga harga yang sifatnya bukan fizikal seperti motivasi dan keupayaan diri yang wajar, kualiti kerja yang bermutu, kematangan yang bermanfaat dan sebagainya.

Jelas, apa-apa pun perjalanan dan pengalaman yang dilalui akan membawa nilai tambah pada diri sendiri jika kita mampu menangani dan berjaya melepasi dengan kebaikan yang ada. Sama-sama kita usahakan dan jadikan segala yang dilalui sebagai tanda ukur kedewasaan yang berharga.

• Dr Aila Latif ialah Pensyarah Kanan Bidang Pengurusan di Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Unimas

BERTEMU kembali pada minggu ini dengan berita yang agak melegakan dan dinanti-nanti oleh masyarakat Malaysia seluruhnya.

Fasa peralihan endemik yang telah diumumkan akan bermula pada 1 April depan. Berbaubaur perasaan menunggu bagaimana agaknya senarionya nanti?

Mungkin kerana terlalu lama kita berlegar dalam norma pandemik, terasa sedikit kegusaran dan trauma mengenangkan kemungkinan berlakunya jangkitan apabila kita semua kembali menjalani rutin kerja harian, persekolahan, aktiviti kemasyarakatan dan keluarga, dengan pelbagai sambutan perayaan, jemputan kerajaan, juga kenduri-kendara.

Difahamkan, sekatan-sekatan prosedur operasi standard (SOP) seperti penghadan jumlah individu daripada kapasiti maksimum dan sekatan perjalanan akan ditarik kembali.

Namun, pemakaian pelitup muka dan penjarakan sosial akan tetap menjadi amalan yang baik bagi mencegah jangkitan virus-virus tidak nampak yang juga lazimnya tidak diduga ini.

Dengan jangkaan logik, pastinya jangkitan virus akan berlaku dan berleluasa. Namun antisipasi permasalahan ini dikurangkan dari segi impaknya dengan dua usaha pencegahan itu tadi, serta dikukuhkan dengan ikhtiar vaksinasi yang telah mencapai peratusan selamat.

Benar, pandemik benar-benar menjadi sebahagian pengalaman yang mendewasakan kita. Pelbagai ranjau, kegetiran dan kepayahan yang tidak pernah tergambar sebelum ini.

Bukan sedikit episod kehilangan dan perpisahan yang menguji, yang kekal dalam memori sebagai tragedi dan mimpi ngeri kepada kita yang ditinggalkan.

Memahami erti kehidupan, kita tahu bahawa dewasa bukanlah boleh diukur pada fizikal dan usia. Perkataan dewasa itu jelas subjektif sifatnya berasaskan nilai input masa dan kualiti kematangan yang dimiliki.

Katakan apa-apa sahaja yang dijadikan subjeknya, kedewasaan akan memberi nilai tambah yang



FASA peralihan endemik yang telah diumumkan akan bermula pada 1 April depan. Yang pasti, ia akan merencanakan lagi sektor ekonomi negara. Foto HIASAN